




**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 14 DISEMBER 2023**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|------------|--|---|
| 1. | PROGRAM JUALAN AGRO MADANI, MUKA DEPAN, SH -1 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2. | MANGGA MENGANDUNGI SERANGGA PEROSAK DIRAMPAS, KELANTAN, SH -27 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 3. | TIGA IKAN LUMBA-LUMBA MATI TERDAMPAR, LOKAL, HM -20 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 4. | PERLIS KELUARKAN BERAS JENAMA SENDIRI, NEGARA, KOSMO -16 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 5. | PERLIS HASRAT KELUAR BERAS JENAMA SENDIRI, PERLIS, SH -29 | |
| 6. | WUJUD TABUNG BENCANA PERTANIAN, PAHANG, HAKAKAH -H9 | LAIN-LAIN |
| 7. | MAJUKAN KAWASAN TANAMAN PADI, SIDANG DUN PAHANG, HAKAKAH -F3 | |
| 8. | FOOD SECURITY THREAT SPURS INTEREST IN SMART FARMING, NEWS, THE SUN -1 | |
| 9. | SMART FARMING TECHNOLOGIES GAINING TRACTION, NATIONAL, THE SUN -4 | |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|------------|------------|
| 14/12/2023 | SINAR HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |



Mangga mengandungi serangga perosak dirampas

RANTAU PANJANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan merampas 5,760 kilogram (kg) mangga import yang dipercayai mengandungi serangga perosak.

Mangga bernilai RM8,640 itu dipercayai dari spesies *mango pulp weevil* (*Sternochetus frigidus*).

Pengarahnya, Syed Fuad Syed Putra berkata, buah tersebut ditahan selepas pihaknya melakukan pemeriksaan konsainan yang mengandungi bahan tersebut dari Thailand yang masuk melalui Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di sini.

“Pemeriksaan rutin yang dijalankan oleh pegawai penguasa mendapati buah mangga yang dibawa masuk dari negara jiran itu dikesan mempunyai serangga perosak.

“Kesemua barang dagangan tersebut telah ditahan untuk tindakan lanjut,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.



Maqis Kelantan merampas 5,760 kilogram (kg) mangga import yang dipercayai mengandungi serangga perosak.

tempatan.

Ujarnya, kes akan disiasat mengikut Seksyen 14, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Menurut beliau, penahanan itu bertujuan untuk menghalang dan mengawal kemasukan serangga perosak yang boleh melumpuhkan industri pertanian negara terutamanya industri tanaman mangga

Tiga ikan lumba-lumba mati terdampar

Bayan Lepas: Tiga ekor ikan lumba-lumba ditemukan mati terdampar di kawasan pantai Tanjung Bungah dan Batu Ferringhi tahun ini dipercayai akibat penggunaan pukot hanyut dengan saiz mata pukot melebihi 25.4 sentimeter (sm).

Selain itu, dua ekor penyu turut menjadi mangsa dengan kes terbaharu membabitkan seekor penyu. Agar betina seberat 250 kilogram yang turut mempunyai kesan ketakutan di bahagian cangkeringnya 5 Disember lalu.

Pengarah Jabatan Perikanan Pulau Pinang, Zarina Zainuddin berkata, pihaknya mengesyaki penyu itu tersangkut pada pukot dan kesan ketakutan itu berkemungkinan berlaku ke-



ZARINA (tengah) melihat pukot hanyut yang mengancam spesies dilindungi seperti penyu dan ikan lumba-lumba.

tika nelayan memotong pukot semasa proses melepaskannya ke laut.

"Kes pertama membabitkan penyu Lipas Mac lalu manakala penyu jenis Agar yang dijumpai cedera pada September masih dirawat di Pusat Konservasi Penyu Pantai Kerachut dan semakin pulih," katanya

"Penggunaan pukot jenis ini dikhuatiri memrangkap spesies terancam dan dilindungi di perairan Pulau Pinang seperti penyu dan ikan lumba-lumba," katanya.

Menurutnya, bermula Januari sehingga kini Jabatan Perikanan Pulau Pinang turut menyita sebanyak 1,561 unit bubu naga dianggar bernilai RM234,150 di sekitar perairan negeri ini.

"Kita dapati setakat ini secara keseluruhan, terdapat peningkatan dalam jumlah rampasan kira-kira lima peratus berbanding tahun lalu dengan Jabatan Perikanan Pulau Pinang komited menjalankan rondaan dan operasi di darat dan laut secara berkala dan bersepadu," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|-------|---------|------------|
| 14/12/2023 | KOSMO | NEGARA | 16 |

Perlis keluarkan beras jenama sendiri

KANGAR – Perlis bakal mengeluarkan beras menggunakan jenama sendiri dalam tempoh selewat-lewatnya empat bulan lagi selepas tamat proses tuaian padi bagi musim 2023 ini.

Bagi tujuan itu, mandat diberikan kepada Padiberas Nasional Berhad (Bernas) untuk melakukan pembelian padi seterusnya kerajaan negeri akan mengambilnya daripada pihak tersebut untuk mengeluarkan beras dengan jenama sendiri.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan negeri, Razali Saad berkata, pihaknya telah memanggil semua agensi dan pihak berkaitan bagi membincangkan mengenai perancangan mengeluarkan beras jenama sendiri itu dalam memenuhi permintaan pelanggan.

“Kita optimis boleh hasilkan

SIDANG DUN PERLIS



beras sendiri dan jangkaannya usaha ini mungkin akan dapat dilihat selepas tuaian musim ini dalam tempoh tiga atau empat bulan akan datang,” katanya selepas Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis, di sini semalam.

Terdahulu, Razali turut menjawab pertanyaan lisan dibangkitkan oleh Haziq Asyraf (PN-Beseri) berhubung usaha kerajaan negeri bagi mengeluarkan produk beras tempatan hak milik Perlis.



RAZALI pada Persidangan DUN Perlis di Kangar semalam.

14/12/2023

SINAR
HARIAN

PERLIS

29

Perlis hasrat keluar beras jenama sendiri

KANGAR - Perlis berhasrat mengeluarkan beras menggunakan jenama sendiri bagi memenuhi permintaan pengguna di negeri ini berikutan kekurangan beras tempatan di seluruh negara.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan negeri, Razali Saad, kerajaan negeri telah pun berbincang dengan agensi berkaitan seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) untuk perancangan berkenaan.

"Namun begitu, beberapa aspek perlu diambil kira bagi menentukan pe-

SIDANG DUN PERLIS

laksanaan tidak tertangguh," katanya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis di sini pada Rabu.

Razali menjawab soalan Haziq Asyraf Dun (**PN-Beseri**) yang ingin tahu usaha kerajaan negeri untuk mengeluarkan produk beras tempatan hak milik Perlis.

Sementara itu, ketika ditemui pemberita di luar persidangan DUN, beliau berkata, pihaknya yakin perancangan untuk mengeluarkan beras tempatan milik Perlis dapat direalisasikan dalam tempoh antara tiga hingga empat bulan lagi selepas tuai padi bagi musim 2023.

"Kita beri mandat kepada Bernas untuk beli padi itu dan kita ambil daripada Bernas untuk kita buat beras Perlis.

"Kita bergantung kepada agensi itu sebab pilihan petani banyak kepada kilang (beras) swasta, jadi kekangan di situ.

"Di Perlis, kebanyakan kilang swasta ini adalah sebagai bukan induk di sini, yang induk (berada) di Kedah, jadi padi banyakk bawa balik ke Kedah (untuk diproses jadi beras)," katanya.

Razali berkata pihak MADA bersedia menyokong penjualan padi daripada petani dari kawasan tanaman di bawah lembaga kemajuan pertanian itu kepada Bernas untuk kerajaan negeri menghasilkan produk beras tempatan sendiri.

Bellau berkata, pada masa ini proses mereka bentuk pembungkusan untuk kampil beras Perlis itu sedang dilakukan.

- Bernama



Di Perlis ini kebanyakan kilang swasta ini adalah sebagai bukan induk di sini, yang Kedah, jadi padi banyakk bawa balik ke Kedah (untuk diproses jadi beras)."

- Razali

Wujud Tabung Bencana Pertanian

KUANTAN: ADUN Yohanis Ahmad (Pulau Ta-war-PN) mencadangkan kepada kerajaan supaya mewujudkan Tabung Bencana Pertanian bagi meringankan beban yang ditanggung golongan petani dan penternak.

Katanya cadangan itu susulan kesan kerugian agro makanan akibat bencana alam yang berlaku.

Ia juga kata beliau kesan daripada E-Ladang setelah setahun dilancarkan pada 4 Ogos 2022.

Pada sesi perbincangan sidang DUN Pahang itu, beliau turut menyentuh isu air kumbahan yang melimpah ke permukaan jalan di Taman Iboljaya.

Kata beliau air kumbahan yang melimpah itu akibat loji kumbahan yang tidak berfungsi sebaiknya.

Sehubungan itu beliau berharap pihak berkenaan perlu segera membaiki loji kumbahan tersebut.

"Paip-paip lama dan pecah di Kg Pulau Ta-war, Kg Kelola, Kg Batu Leja dan Kg Bukit Nikmat perlu diganti segera.

"Saya mencadangkan isu ini perlu diselesaikan segera dengan penggantian paip baru



Yohanis Ahmad

di semua kawasan terlibat," katanya.

ADUN Perikatan Nasional daripada PAS ini menyokong penubuhan sebanyak RM500 ribu sebagaimana yang diumumkan dalam Belanjawan Pahang 2024 untuk infra dan kemudahan di kawasan tinggalkan sejarah Tok Gajah - Mat Kilau sebagai destinasi pelancongan.

Begitu juga kata beliau, peruntukan sebanyak RM500 ribu untuk santuni saudaraku (Muallaf) perlu dikembangkan dengan mengadakan kelas fardu ain secara berjadual dan latihan kepada pendakwah kalangan muallaf.

14/12/2023

HARAKAH

SIDANG DUN
PAHANG

F8

Majukan kawasan tanaman padi

KUANTAN:

Kerajaan Pahang dicitadangkan supaya memajukan semula kawasan tanaman padi yang telah terbiar sekian lama.

Cadangan itu dinyatakan oleh ADUN Hasan Omar (Lanchang-PN) ekoran berlaku krisis bekalan beras Super-Special Tempatan (SST) di pasaran semasa manakala harga beras import naik secara mendadak.

Katanya, beras SST hilang di pasaran dan hasil daripada itu, beberapa Negeri telah mengambil langkah pro aktif untuk menghasilkan beras sendiri.

Beliau berkata, mengikut rekod Jabatan Pertanian, Pahang masih lagi mempunyai tanah terbiar paling tinggi iaitu seluas 29,391 hektar atau 11,292 lot.

Menurut beliau, defniasi tanah terbiar ialah kawasan yang tidak diusahakan selama 3 tahun berturut-turut yang melebihi 0.4 hektar - tanah darat atau sawah.

Katanya, maka kempen secara besar-besaran boleh dimulakan daripada sekarang untuk peringkat permulaan boleh diberi bantuan asas kepada yang betul-betul berminat seperti input pertanian mengikut kaedah tertentu.

Beliau berkata dengan keluasan yang ada, Negeri Pahang boleh menghasilkan makanan iaitu beras sebanyak 29391 x 0.4 tan/hektar = 117,564 met/tan.

"Dengan jumlah tersebut ia dapat memberi impak besar



Sepakat antara ADUN PAS dan Bersatu membawa isu rakyat dalam Sidang Dewan Negeri Pahang.

kepada sumber makanan bukan sahaja rakyat Negeri Pahang malah menaikkan taraf ekonomi B40 daripada golongan Petani.

"Tanah terbiar juga dapat berkurangan. Pergantungan negara terhadap beras import juga akan berkurangan," katanya.

Beliau berkata demikian ekoran sering mendapat aduan berhubung proses pemilikan tanah yang terhalu lama.

Katanya, ada pemohon yang sudah memohon 15 sehingga 30 tahun tetapi belum mendapat geran seperti tanah di Rancangan dan Tanah Kelompok.

"Ada yang sudah mengusahakan secara *Temporary Occupation License (TOL)*, tetapi akhirnya ditolak. Proses pemilikan skala kecil seperti keluasan 1-3 ekar juga lambat.

"Kelewatan pemberian geran akan membantutkan proses penempatan secara sah kepada rakyat. Ia juga akan memberi kesulitan apabila proses hibah atau faraid apabila pemilikan asal meninggal dunia. Maka tanah tersebut berpotensi menjadi tanah terbiar akibat tidak selesai wasiat pusaka," ujarnya.

Food security threat spurs interest in smart farming

Many young farmers actively incorporating new techniques into agricultural practices to boost yields.



Kelantanese Siti Hajar Che Satar, 20, using a drone at a padi field in Kampung Lepah Selising, Pasir Putih. She is among a new crop of young farmers using smart farming technology to increase yield. — BERNAMAPIC



Smart farming technologies gaining traction

➤ Option allows better water and fertiliser usage, reducing impact on environment and optimising resources

■ BY RAVEEN AINGARAN
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Universiti Malaya Institute of Biological Sciences Assoc Prof Dr Muhammad Shakirin Mispan said concerns about food security have sparked interest among farmers to embrace smart farming technologies.

"The increasing enthusiasm of many young farmers who are actively seeking ways to incorporate these techniques into their agricultural practices to increase yields is particularly encouraging."

However, Muhammad Shakirin said a challenge lies in the absence of comprehensive cost-benefit analyses that illustrates the return on investment for farmers when integrating such technologies.

"The integration of technology in agriculture has substantially transformed the traditional narrative of 'blood and sweat' associated with physical labour in the fields.

"Smart technologies now offer farmers newfound opportunities in remote monitoring and management of their land.

"These technologies serve as useful instruments in assessing crop nutrition and

water requirements, among others."

He also said farmers often face hurdles in adopting smart technologies due to the initial investment costs, limited access to technology in rural areas and a lack of awareness on its potential benefits.

Muhamad Shakirin said the environmental factors in smart agriculture technology differ between urban and rural areas.

"When these innovations are correctly implemented, they hold the potential to enhance sustainable farming practices in both settings. Precision technology enables farmers to manage water and fertiliser usage more effectively. This minimises their impact on the environment by optimising resources.

"In urban areas, vertical farming and hydroponics enable cultivation in limited spaces. This again minimises the ecological footprint associated with traditional agricultural expansion."

He also said the technology used could help to reduce the overall environmental effect of agriculture in urban and rural settings to raise output and profitability.

Universiti Teknologi Mara senior economics lecturer Dr Mohamad Idham Md

Razak said agriculture technology advancements have significantly increased productivity and efficiency in Malaysia, leading to notable economic gains.

"Precision agriculture techniques, including soil mapping and targeted fertiliser application, have optimised resource use, resulting in increased crop yields."

He said investments in research and development have produced high-yield, disease-resistant crop varieties, while greenhouse cultivation has ensured year-round production with enhanced crop quality.

He also said economic indicators affirm such progress after the Agriculture Department reported a 4.2% increase in total production since 2022. The World Bank also noted an 8% rise in the value of agricultural exports.

"The UN Food and Agriculture Organisation revealed a 15% reduction in pesticide use per hectare from 2015 to 2020, while the Malaysian Investment Development Authority reported a significant RM2.5 billion investment in the agricultural technology sector this year."

Mohamad Idham said technology plays a pivotal role in enhancing the competitiveness of Malaysia's agricultural products globally.

"It contributes to increase productivity and efficiency through precision agriculture, mechanisation and controlled environment agriculture."